



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**29 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Budak basikal lajak sengaja cari penyakit

18



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 OKTOBER 2019 (SELASA)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Budak basikal lajak sengaja cari penyakit
Muka Surat	18

**Budak basikal lajak sengaja cari penyakit**  
*SH 29/10/19 ms 18*

**AMPANG** - Tindakan beberapa remaja menunggang basikal lajak hingga terbabit kemalangan mengundang pelbagai reaksi netizen.

Tular sebuah video yang memaparkan sekumpulan remaja menunggang basikal lajak secara melulu dan membahayakan pengguna jalan raya di Taman Muda Ampang di sini.

Aksi remaja berkenaan sempat dirakam seorang pemandu teksi yang kebetulan melalui jalan berkenaan.

Pengguna jalan raya yang melalui lokasi terbabit bertindak membunyikan hon kepada remaja terbabit.

Bagaimanapun semua mereka kemudian dirakam terjatuh daripada basikal dan ada yang mengalami kecederaan.

Terdahulu, video yang memaparkan kira-kira lima hingga enam remaja itu dipercayai berlumba sambil diekori sebuah motosikal.

Pemandu teksi itu turut memarahi remaja terlibat kerana aksi mereka yang sangat berbahaya.

Rata-rata netizen menyelar tindakan sekumpulan remaja itu yang disifatkan sengaja mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya.

Tidak kurang juga yang menasihatkan ibu bapa kepada remaja terlibat agar memantau pergerakan anak mereka sebelum sesuatu yang buruk berlaku.

FOTO: FACEBOOK



**Tindakan sekumpulan remaja menunggang basikal lajak secara berkumpulan bukan sahaja membahayakan nyawa sendiri malah pengguna jalan raya lain.**